



PERINGATAN PENTING

Sila baca arahan di bawah dengan teliti sebelum mengisi Tawaran Teknikal:-

1. Penandaan nama syarikat atau cop syarikat pada mana-mana mukasurat / kulit fail / katalog yang dilampirkan secara atas talian atau secara manual adalah tidak dibenarkan.
2. Penender tidak dibenarkan mengubah format Spesifikasi sebagaimana yang terdapat dalam pelawaan UiTM.
3. Penender hendaklah memastikan tawaran hanya mengandungi butir-butir berikut:-
 - a) Spesifikasi / Syarat-syarat berkaitan Spesifikasi dan Spesifikasi Penyelenggaraan (Servis)
 - b) Lukisan / Katalog / Contoh.
4. Harga tawaran syarikat hendaklah mengambilkira kenaikan duti setem, caj perkhidmatan kerajaan dan perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan tender/sebut harga ini.
5. Lain-lain surat sokongan / surat iringan atau "authorized agent / authorized resellers" yang tertera nama dan pengenalan syarikat hendaklah dikemukakan bersama Tawaran Harga dan **BUKAN** bersama Tawaran Teknikal.
6. Penender adalah diingatkan bahawa "*Kontraktor adalah diwajibkan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Senarai Bahan/Barangan Binaan Buatan Tempatan yang disediakan oleh **IKRAM QA Services Sdn Bhd** dan/atau Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang disediakan oleh **SIRIM QA Services Sdn Bhd** atau mana-mana agensi/badan yang telah diakreditasi oleh **Jabatan Standard Malaysia** untuk menjalankan pengiktirafan dan persijilan barangan tempatan, mengikut mana yang berkenaan. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan / barangan buatan tempatan setelah surat setujuterima dikeluarkan, penalti dan / atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.*
7. *Bagi bahan / barangan buatan tempatan yang tidak disenaraikan, juga boleh dipertimbangkan jika barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh **IKRAM QA Services Sdn Bhd** atau **SIRIM QA Services Sdn Bhd**, mengikut mana yang berkenaan.*
8. *Syarikat/pembekal hendaklah mengenal pasti, mengutamakan dan menggunakan produk/perisian/kandungan/perkhidmatan ICT buatan syarikat tempatan berstatus MSC Malaysia yang disenaraikan di dalam senarai produk MSC Malaysia oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Sekiranya syarikat/pembekal tidak mematuhi peraturan menggunakan produk buatan MSC Malaysia setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan produk/perkhidmatan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas syarikat/pembekal."*



PERINGATAN PENTING

1. Penender dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir yang terkandung di dalam pelawaan sebelum mengisinya. Penender yang membuat kesilapan dan tidak mematuhi mana-mana fasal di dalam pelawaan tidak akan dipertimbangkan.
2. **Penender yang gagal mengisi maklumat dengan lengkap atau memberi maklumat palsu berhubung tawaran syarikat bagi sesuatu pelawaan, jika dapat dikesan, uitm berhak membatalkan tawaran yang telah dibuat ke atas syarikat berkenaan atau mengakibatkan tawaran syarikat ditolak dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap penender berkenaan.**
3. Universiti Teknologi MARA tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun.
4. Semua keperluan maklumat tawaran haruslah diisi dengan lengkap bagi mengelakkan tawaran penender terbatal.
5. Adalah diingatkan bahawa semua pihak yang terlibat dalam proses perolehan ini adalah tertakluk kepada **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**, yang mana berkenaan seperti berikut:
 - (i) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**.
 - (ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat badan pencegah rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**
 - (iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**
 - (iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah **Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)**